

# Labur wang sendiri lahirkan SE7EN

Ramlan sasar jual sejuta botol minuman kesihatan keluaran syarikatnya itu dalam sebulan



FOTO: ROSU TALIB

Pengedar sah produk SE7EN sempat merakamkan gambar kenangan bersama-sama selepas majlis pelancaran produk itu di Royal Selangor Club, Bukit Kiara, semalam.

■ NURUL AINI MOHAMED ALI

**SHAH ALAM** - Berbekalkan modal daripada wang simpanan, Pengerusi RAYT Enterprise Sdn Bhd, Ramlan Osman tekad melaburkan RM350,000 bagi mencipta produk minuman kesihatan keluaran sendiri.

Beliau mengakui agak berat untuk mengeluarkan wang sendiri tanpa sebarang bantuan pinjaman, namun percaturannya itu berbaloi selepas produk minuman kesihatannya kini mula mendapat tempat di kalangan masyarakat.

"Produk saya ini sudah mula berada di pasaran pada Jun tahun lalu. Hasil jualan tahun lalu, produk saya mampu terjual sehingga setengah juta botol dan tahun ini, saya sasarkan untuk mencapai jualan sehingga 12 juta botol. Ini bermakna, dalam masa sebulan, produk minuman kesihatan saya mesti terjual sebanyak satu juta botol," katanya kepada *Sinar Harian* selepas majlis perasmian minuman kesihatan SE7EN di Royal Selangor Club, Bukit Kiara,



Antara pengedar sah yang hadir dalam majlis berkenaan.



Pemeriksaan tahap gula dalam darah juga diadakan secara percuma semasa pelancaran produk SE7EN, semalam.



Ramlan menunjukkan produk minuman kesihatannya dalam gimik pelancaran produk itu bersama sebahagian kakitangan syarikatnya.

semalam.

Beliau berkata, keyakinan kepada diri sendiri membuatkan beliau tekad tidak melakukan sebarang pinjaman dari mana-mana institusi kewangan.

"Mahu meniaga kena yakinlah, modal tidak mengapa, saya gunakan wang simpanan saya sendiri. Lagipun, saya keluarkan produk yang cukup mudah cara pembuatannya, tetapi saya komersilkan.

"Produk ini menggunakan bahan semula jadi yang tak menjejaskan kesihatan. Dari situ sebenarnya idea untuk hasilkan minuman kesihatan ini terhasil. Saya ambil benda yang mudah dan cuba komersilkan jadi sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada semua," katanya.

Menurut Ramlan, setakat ini pengedar sah produk keluarannya di seluruh Malaysia sudah mencapai 50 orang.

"Jadi dalam tempoh dua tahun ini, saya mesti mempunyai lebih ramai pengedar dan saya sasarkan dalam 350 pengedar yang boleh menjual produk saya selepas ini," katanya.

Lebih menarik lagi, katanya, proses penghasilan minuman-



RAMLAN

an kesihatan itu juga menggunakan proses manual.

"Kami hanya gunakan sebuah mesin untuk memerah bahan asas saja, selebihnya saya gunakan kekuatan pekerja saya sendiri untuk hasilkan minuman kesihatan itu.

"Dari awal prosesnya memang kita buat sendiri tanpa bantuan mesin kecuali mesin memerah. Ini bukan saja bagi memastikan kualiti terjamin, tetapi juga saya dapat kurangkan kos," katanya.

Kira-kira 100 pengedar dan tetamu hadir bagi majlis pelancaran produk minuman kesihatan itu, semalam.



Dr P V Lingham memberikan penerangan kepada pengedar produk SE7EN semasa sesi soal jawab selepas perasmian produk diadakan.